

# KBS akan terus bantu anjur LTdL



PENGANJURAN LTdL bakal diadakan secara lebih kreatif pada tahun depan.

**KEMENTERIAN** Belia dan Sukan (KBS) sedia memberi kerjasama penuh dalam penganjuran kejohanan lumba basikal Le Tour de Langkawi (LTdL) bagi edisi 2012 selepas melihat sambutan menggalakkan daripada peminat dan pasukan yang menyertai perlumbaan itu tahun ini.

Menterinya, Datuk Seri Ahmad Shabery Cheek turut mencadangkan penganjuran seterusnya diadakan secara lebih kreatif dengan mempelbagaikan laluan untuk menjadikan perlumbaan lebih mencabar.

“Untuk penganjuran tahun depan, kita akan bersama penganjur membantu memikirkan perlumbaan yang lebih kreatif bagi menyemarakkan sokongan peminat sukan berbasikal terutama daripada golongan belia.

“Tahun ini, kita bermula di Langkawi dan berakhir di Kuala Lumpur, barangkali penganjuran tahun depan, laluan tidak semestinya sama,” katanya kepada pemberita selepas majlis penyampaian hadiah kepada pemenang LTdL 2011 yang berakhir di Dataran Merdeka, Kuala Lumpur semalam.

Ahmad Shabery turut teruja dengan keupayaan pelumba Malaysia memberi saingan hebat kepada pelumba antarabangsa lain.

“Walaupun pelumba negara tidak banyak memperoleh kemenangan, namun

saya tetap yakin mereka pasti mampu berada dalam kelompok terbaik pada perlumbaan selepas ini jika terus diberikan pendedahan berterusan.

“Saya juga ingin ucapkan terima kasih kepada pihak media yang banyak membantu dalam membuat liputan sepanjang penganjuran ini,” katanya.

Pelumba sensasi negara, Anuar Manan yang mewakili pasukan Terengganu Cycling Team (TSG) menduduki tempat ketiga dalam saingan peringkat akhir semalam yang bermula dari Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan berakhir di Dataran Merdeka.